



LAPORAN
TAHUNAN
PERPUSTAKAAN UTM
2014

SIDANG REDAKSI

Penasihat	Kamariah binti Nor Mohd Desa
Ketua Editor	Anuar bin Talib
Editor	Zafarina binti Dol
Sidang Pengarang	Nor Asikin binti Mohamed Nik Masriza binti Zakaria Badariah binti Borham Junaiddah binti Isnain Noraini binti Yahya Haslina binti Othman Zaleha binti Atan Kamariah binti Mohamed Jong Mohd Nasir bin Ibrahim Haslina binti Nasir
Jurufoto	Mohd Jamal bin Mohd Ariff
Edaran	Azharuddin bin Azmi Norazalina binti A. Samad





PERPUSTAKAAN

SEKILAS PANDANG

Perpustakaan UTM telah memenangi Anugerah Kualiti Naib Canselor pada tahun **1999** dan **2009**.

Perpustakaan UTM mempunyai **12** perpustakaan fakulti.

Perpustakaan UTM terdiri daripada Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur dan yang terkini Perpustakaan Raja Zarith Sofiah yang telah dimasyhurkan pada **30 September 2014**.

Terdapat **92** lokasi UTM Reading Stations (UTMRS) di dalam & luar kampus termasuk **Jepun** dan **Indonesia**.

Perpustakaan UTM mempunyai **223** orang staf

Jumlah pelajar perdana menghadiri kelas kemahiran = **1,723** orang

Jumlah koleksi e journal/etheses/ebooks = **3 juta**

Jumlah pengunjung maya = **808,629** orang

Jumlah pengunjung fizikal = **774,578** orang

EASY (Shelf Search System) telah dibangunkan oleh Kumpulan KIK Perpustakaan UTM dan telah memenangi anugerah 3 Bintang Emas di ICC MPC Convention peringkat kebangsaan.

My Library in Pocket (MyLIP) telah dibangunkan oleh Encik Md. Razib bin Karno, Pustakawan Kanan di Perpustakaan UTM.

Galeri Raja Zarith Sofiah di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah menempatkan koleksi peribadi Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Tuanku Canselor Universiti Teknologi Malaysia ke-empat.





PENGENALAN


Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi sumbangan besar kepada proses pembelajaran, pengajian dan penyelidikan di UTM khasnya dan negara amnya . Perpustakaan UTM berbangga kerana mempunyai cawangan di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan dua belas (12) perpustakaan fakulti. Perpustakaan UTM turut bekerjasama dengan *School of Professional and Continuing Education (SPACE)* dalam menguruskan koleksi Pusat Sumber (SPACE) di seluruh negara.

Selaras dengan status Universiti Teknologi Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan, Perpustakaan UTM mempunyai koleksi yang kukuh dalam bidang sains dan teknologi serta berperanan sebagai pembekal dan penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan penyelidikan dan juga masyarakat sekitarnya.

Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal. Sehingga kini, koleksi perpustakaan telah melebihi setengah juta bahan yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan media elektronik. Perkhidmatan dan operasi perpustakaan dikendalikan oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan.

Perpustakaan UTM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan matlamat perpustakaan untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada penggunanya.









PENGURUSAN PERPUSTAKAAN UTM

Ketua Pustakawan
Kamariah binti Nor Mohd Desa



Timbalan Ketua Pustakawan
(Perancangan & Pembangunan)
Anuar bin Talib



Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan)
Noraziah binti Sharuddin



Timbalan Ketua Pustakawan
(Perpustakaan Raja Zarith Sofiah)
Nor Asikin binti Mohamed



Timbalan Ketua Pustakawan
(Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur)
Nik Masrizah binti Zakaria



Badariah binti Borham
Ketua Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran



Junaidah binti Isnain
Ketua Bahagian Perkhidmatan Lanjutan



Noraini binti Yahya
Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat,
Penyelidikan & Sirkulasi



Haslina binti Othman
Ketua Bahagian Pembangunan Sumber



Zaleha binti Atan
Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat & Penyelidikan



Kamariah binti Mohamed Jong
Ketua Bahagian Repozitori & Metadata



Mohd Nasir bin Ibrahim
Ketua Bahagian Pengurusan Koleksi



Haslina binti Nasir
Ketua Bahagian Automasi



Zafarina binti Dol
Ketua Bahagian Pentadbiran & Kewangan

STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan Perpustakaan UTM adalah merangkumi Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD), 12 buah perpustakaan fakulti di Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Menara Razak dan Perpustakaan MJIIT di Kuala Lumpur. Selain itu, Perpustakaan *School of Professional and Continuing Education (SPACE)* juga adalah di bawah pengurusan Perpustakaan UTM. Struktur organisasi Perpustakaan UTM diterajui oleh Ketua Pustakawan dan dibantu oleh 4 Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat 11 bahagian dan 35 unit kecil yang diketuai oleh Ketua Bahagian.



VISI

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains & teknologi

MISI

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains & teknologi

OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan berdasarkan maklumat kepada pelanggan.

Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan & penerbitan UTM.

Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam & luar UTM.

Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam & luar UTM.

MOTTO

"Kecemerlangan Informasi"

POLISI KUALITI PERPUSTAKAAN UTM

OBJEKTIF KUALITI

Perpustakaan UTM memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpanduan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh dicapai dengan memastikan :

- Staf beretika, mahir dan profesional.
- Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
- Keselamatan sumber terpelihara.
- Proses kerja berkesan dan cekap.
- Penggunaan teknologi di tahap intensif.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut:

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan melengkapkan Koleksi Khas dan UTM Institutional Repository (UTM-IR) sehingga tahun terkini.
- Mengkatalog semua penulisan UTM sehingga tunggakan sifar.
- Minimum 5% pendepositan rekod di UTM Institutional Repository (UTM-IR) bagi tahun semasa .
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun.
- Memastikan penyelenggaran perpustakaan digital dilaksanakan secara berterusan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna.
- Melaksanakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu mengikut keperluan semasa.
- Mengaudit pelaksanaan Standard People Practice sekurang-kurangnya 1 kali setahun.




PIAGAM PELANGGAN

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan :

- Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungjawabkan sebelum pertengahan bulan September bagi peralatan kecuali bahan bacaan setiap tahun.
- Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar.
- Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkamasa yang ditetapkan.
- Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan.
- Memastikan pelanggan diberi layanan di Kaunter Sirkulasi dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.
- Memastikan persekitaran Perpustakaan selamat dan kondusif.








PENCAPAIAN TAHUN 2014

PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) 2014

Prestasi Perpustakaan UTM dilaporkan berdasarkan program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan. Perpustakaan sentiasa berusaha untuk memantapkan pengurusan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi. Dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan, Perpustakaan UTM telah merancang dan melaksanakan pelbagai program berdasarkan rangka kerja strategik seperti yang ditetapkan. Perpustakaan telah mengenalpasti inisiatif-inisiatif untuk dilaksanakan melalui penggunaan Key Amal Indicator (KAI).

Secara keseluruhannya, Perpustakaan UTM telah merekodkan kejayaan dengan mencapai KAI yang disasarkan pada tahun 2014.

Selaras dengan pelan global UTM, Perpustakaan UTM telah merumuskan beberapa KAI berkaitan yang dapat membantu UTM dalam mencapai sasaran terutamanya dalam menambahbaik kedudukan UTM dalam ranking dunia. Impak secara langsung dan tidak langsung melalui usaha dan aktiviti yang dijalankan UTM berjaya memperbaiki kedudukannya dalam tahun 2014.



KECEMERLANGAN UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY (UTM-IR) DI RANKING DUNIA

UTM Institutional Repository (UTM-IR) kekal antara 100 ranking yang terbaik di dunia dari tahun 2009 sehingga 2014 dalam Ranking Web of Repositories bagi kategori Top Institutions. Perpustakaan UTM terus menambahbaik kedudukan apabila meningkat naik dari tangga 118 pada Januari 2014 ke tangga 82 pada Julai 2014.

Pada tahun 2014, UTM-IR masih mengekalkan tempat pertama di antara repositori IPTA lain di Malaysia pada Januari dan Julai 2014 dengan mengambil kira faktor-faktor penilaian yang utama iaitu size, visibility, rich files dan scholar.

Terdapat penurunan pendepositran iaitu 6,090 rekod telah didepositkan oleh staf Perpustakaan UTM berbanding 6,665 rekod pada tahun 2013 di mana jumlah penurunan ini adalah 575 rekod (9.44%). Ini adalah kerana aktiviti pendepositran rekod tertumpu kepada rekod tesis semasa berbanding pendepositran secara berkelompok. Secara keseluruhannya, Perpustakaan UTM telah menyumbang sebanyak 87.36% daripada 6,971 rekod yang telah didepositkan dalam UTM-IR.

881 rekod adalah merupakan baki daripada jumlah keseluruhan yang didepositkan oleh fakulti atau jabatan lain di UTM berbanding 282 rekod pada tahun 2013 yang mana menunjukkan peningkatan pendepositran rekod.

PENGURUSAN DATA PENERBITAN

Aktiviti pengesahan data penerbitan staf akademik UTM dan pengurusan tuntutan insentif di bawah tanggungjawab Bahagian Perkhidmatan Maklumat Penyelidikan telah melaksanakan aktiviti semakan dan pengesahan sebanyak 3,222 rekod dari Januari – Disember 2014.

Data penerbitan yang disemak diperolehi daripada sistem RADIS dan pengesahan yang dibuat dari sistem tersebut sahaja yang akan diterima untuk penilaian pemarkahan tahunan Universiti. Tuntutan insentif yang telah diluluskan untuk penghantaran ke Bendahari UTM adalah sebanyak 1,106 tuntutan. Jumlah ini adalah merupakan tuntutan insentif yang telah dibuat oleh staf akademik dengan nilai keseluruhan kos pembayaran sebanyak hampir RM3 juta bagi tahun 2014.

UTM telah menjadi pusat rujukan dalaman dan luaran bagi golongan penyelidik dan industri dalam bidang teknologi dan ini secara langsung mengharumkan nama UTM di persada global.

World Rank	Name	Country	Size	Visibility	Rich files	Scholar
114	James Cook University Institutional Repository	SGP	299	163	67	100
115	Universidade de Lisboa	PTG	392	166	137	118
118	Universitas Teknologi PETRONAS	MLT	96	164	253	158
117	Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim	MLT	124	65	528	427
118	Universitas Teknologi MARA Shah Alam Institutional Repository	MLT	475	173	119	81
119	WSEI University Institutional Repository	MLT	348	83	228	560
120	University of Cambridge Research Repository	GBR	182	166	182	166
121	Loughborough University Institutional Repository	GBR	149	141	283	246
122	University of Missouri Research Commons	USA	126	186	85	162
123	University of Arizona Campus Repository	USA	388	235	38	57

World Rank	Name	Country	Size	Visibility	Rich files	Scholar
77	Plataforma Digital Facultad de Letras Universidad de País Vasco	ESP	269	134	341	49
78	University of Illinois at Urbana-Champaign	USA	273	71	132	210
79	Universität Duisburg-Essen Publication Online-DEPONIE	DEU	348	173	73	60
79	University of Wisconsin Digital Repository	USA	236	158	141	76
81	University of Nebraska-Lincoln Digital Commons	USA	158	5	994	197
82	Universität Technische Universität München Repository	DEU	626	166	118	56
83	Gutenberg Repository Documenta Universitatis Szegediensis	HUN	122	104	48	100
84	Institutional Repository dan Universiti Kebangsaan	MLT	337	207	179	32
85	Institut für Geographie Universität Frankfurt am Main	DEU	244	194	103	62
86	Arizona Research Library Schlesinger University of Arizona	USA	199	141	81	133



PERKEMBANGAN UTM READING STATION (UTMRS)

UTM Reading Station (UTMRS) kini berjumlah 92 buah, 57 buah di UTM Johor dan 17 buah di UTM Kuala Lumpur iaitu di kolej kediaman pelajar, pejabat dan fakulti. Manakala, 18 buah ditempatkan di luar kampus, antaranya di sekolah menengah, sekolah rendah, pejabat pendidikan, rumah anak yatim, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, masjid, hospital dan dewan awam. UTMRS turut berkembang di luar negara iaitu di Fussan Rehabilitation Centre, Tokyo, Jepun dan Indonesia. Perpustakaan UTM bergerak secara sinergi bersama Kolej Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa (HEMA) dan mahasiswa bagi mewujudkan UTMRS di luar UTM. Terdapat enam (6) lokasi baru UTMRS telah dibuka.

LOKASI UTMRS

Bil	Lokasi UTMRS	Bilangan
1.	Kampus UTM Johor Bahru	57
2.	Kampus UTM Kuala Lumpur	17
3.	Luar UTM	18
	Jumlah Keseluruhan UTMRS	92

LOKASI BARU UTMRS

Bil	Lokasi UTMRS
1.	Dewan Sri Teratai, Kg. Temenin, Kota Tinggi Johor (Program kerjasama dengan Mahasiswa Kolej Tun Abd Razak, UTM Johor Bahru dan pejabat HEMA)
2.	Fakulti Kejuruteraan BioSains & Perubatan (FBME), UTM Johor Bahru
3.	Akademi Bahasa UTM, Johor Bahru
4.	Razak School of Engineering & Advance Technology, UTM Kuala Lumpur
5.	Sekolah Dasar, Bandung, Indonesia (Program usahasama Mahasiswa UTMKL & Pejabat HEMA)
6.	Sekolah Dasar, Batang Palupuh, Bukit Tinggi, Padang, Indonesia (Program usahasama Mahasiswa UTM KL & Pejabat HEMA)



Audit UTMRS diadakan secara berkala setiap tahun mengikut keperluan untuk melihat penggunaan koleksi di UTMRS. Hasil dapatan audit menunjukkan, pengguna lebih cenderung meminjam buku tanpa merekodkan di dalam buku rekod pinjaman. Bagi tahun 2014, peminjaman bahan UTMRS adalah sebanyak 4,564 buku (47%) di kampus UTM Johor Bahru. Kampus UTM Kuala Lumpur pula menunjukkan sejumlah 688 buku sahaja dipinjam (17%).

Peningkatan pinjaman bahan untuk kategori staf bukan akademik menunjukkan peningkatan minat membaca dikalangan mereka. Ini akan membuka lebih banyak peluang dan mencetuskan idea kepada mereka untuk menimba ilmu pengetahuan dan menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.




PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2014, Perpustakaan UTM telah membuat perbelanjaan sebanyak RM25 juta. Daripada jumlah itu, RM15 juta telah diperuntukkan untuk pembelian bahan rujukan, RM9 juta untuk gaji dan emolumen, dan RM800 ribu untuk melestarikan sistem pengurusan ICT dan lain-lain di Perpustakaan UTM.

Sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan di bawah RMK9 bagi menyedia dan melestarikan prasarana Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah.

Perbelanjaan keseluruhan Perpustakaan UTM telah meningkat sebanyak 1.53%. Antara faktor kenaikan perbelanjaan adalah pertambahan staf yang mendapat kenaikan pangkat berbanding tahun sebelumnya. Sehubungan itu, bagi mengurangkan impak daripada peningkatan perbelanjaan, aktiviti perbelanjaan berhemah dicadangkan sebagai langkah penjimatan kos terutama sekali dalam kos penyediaan makanan, cenderahati, promosi dan lain-lain aktiviti rasmi.



PENGURUSAN KUALITI

Pengurusan kualiti Perpustakaan UTM diketuai oleh Pengarah Kualiti, Wakil Pengurusan, Urusetia Kualiti, Ketua Bahagian dan pemilik proses. Perpustakaan UTM sentiasa berusaha memastikan agar perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dan memenuhi keperluan pelanggan. Pelbagai program kualiti telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan kesedaran dan penghayatan kualiti dikekalkan. Di antara program kualiti yang telah diadakan adalah taklimat pengurusan kualiti kepada semua staf oleh Wakil Pengurusan, Bengkel MS ISO 9001:2008 untuk pemilik proses pada 16 April 2014, Program Audit Dalam pada 4 – 30 Mei 2014 dan Audit Surveillance oleh SIRIM pada 23 – 24 Jun 2014 di Perpustakaan UTM Johor dan Kuala Lumpur.



STANDARD PEOPLE PRACTICE (SPP)

Pada tahun 2014, Perpustakaan telah menjalankan beberapa siri refresher course kepada staf perpustakaan yang baru mendaftar. Latihan SPP ini dikendalikan oleh Bahagian Latihan SPP pada 21 Ogos 2014 dan 19 November 2014 bagi memenuhi pengauditan pelaksanaan SPP sekurang-kurangnya sekali setahun dan amalan SPP dalam tugas sehari-hari staf.



PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN



Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan aspek yang dititikberatkan oleh Perpustakaan UTM dalam memberi kesedaran tentang kepentingan dan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan staf. Kursus mengenai aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diadakan setiap tahun dan pada tahun 2014, Perpustakaan UTM telah mengadakan Kursus Kesedaran Occupational Health and Safety management System Specification (OHSAS) 18001 : 2007 pada 21 – 22 April 2014, Kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan pada 26 – 27 Mei 2014 dan Kursus Pertolongan Cemas pada 27 – 28 Mei 2014. Aktiviti Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) pula diadakan pada November 2014 bagi tujuan permeriksaan kawasan kerja dan mengambil tindakan terhadap sebarang ketidakakuruan yang berlaku.

PELESTARIAN

Bagi memastikan keberkesanannya amalan pelestarian pejabat atau Green Office dilaksanakan, Perpustakaan UTM telah menerapkan beberapa inisiatif amalan hijau secara berperingkat seperti penanaman pokok-pokok hijau di setiap bahagian, amalan penjimatan kertas melalui penggunaan kertas terpakai untuk mencetak atau dijadikan buku catitan dan langkah penjimatan tenaga elektrik melalui penggunaan secara berhemah. Selain itu, perolehan perkakasan ICT yang jimat tenaga elektrik turut diberi keutamaan. Ini untuk memastikan amalan pelestarian pejabat dapat diamalkan secara berterusan di kalangan staf perpustakaan.



PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PERJAWATAN

Tidak dinafikan staf merupakan aset yang paling bernilai dalam sebuah organisasi. Aset terpenting Perpustakaan UTM adalah sejumlah 223 orang. Pecahan staf mengikut kumpulan adalah seperti rajah berikut :



Bagi tahun 2014, Perpustakaan UTM telah menerima pertambahan waran perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Anggaran Belanjawan Mengurus (Perjawatan) Tahun 2014. Perpustakaan UTM telah mendapat 3 pertambahan jawatan bagi Pustakawan dan 3 pertambahan jawatan bagi staf pelaksana. Pertambahan waran ini adalah bagi menyokong operasi di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Dengan pertambahan waran perjawatan ini juga telah memberi peluang kenaikan pangkat kepada staf Perpustakaan UTM dengan melibatkan 6 orang Pustakawan dan 10 orang staf pelaksana. Manakala, 4 orang staf pelaksana pula dinaikkan pangkat secara time-based berdasarkan kecemerlangan.

Seterusnya, melalui penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 2013, seramai 11 orang Pembantu Am Pejabat telah ditukar lantik kepada Pembantu Operasi setelah memenuhi syarat yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 : Skim Perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam. Selain itu, 3 orang Juruteknik yang terlibat dengan Pewujudan Skim Perkhidmatan Bersepadu (SPB) telah ditukar lantik kepada Penolong Jurutera.

Walaupun tiada pelantikan staf baru untuk Kumpulan Pengurusan & Professional, tetapi bagi kumpulan Pelaksana terdapat pelantikan staf baru yang berstatus lantikan tetap dan lantikan kontrak. Pelantikan ini adalah bagi mengisi waran yang diluluskan oleh JPA melalui Anggaran Belanjawan Mengurus (Perjawatan) Tahun 2014 bagi mengisi kekosongan staf yang dilantik ke jawatan tetap dan staf yang bersara wajib.

Berikut adalah staf perpustakaan UTM yang bersara sepanjang tahun 2014:

Bil	Nama Staf	Jawatan	Gred	
1.	Shaharin Bin Hussain	Pembantu Perpustakaan KUP	SA22	Bersara Wajib
2.	Aminuddin Bin Mohd Nor	Pembantu Perpustakaan	SA26	Bersara Wajib
3.	Mohd Zin Bin Wan Mohamad	Pembantu Perpustakaan KUP	SA22	Bersara Wajib

Seramai 16 orang staf Perpustakaan UTM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi pencapaian prestasi sepanjang 2013. Majlis Penganugerahan APC telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar pada 26 Jun 2014.

Sepanjang 2014, sebanyak 66 kursus dalaman telah diadakan di dalam Perpustakaan UTM atau kawasan sekitar UTM. Peningkatan ketara dari segi penganjuran kursus bagi tahun 2014 dapat dilihat melalui jumlah kehadiran staf ke Program Membudayakan Al-Quran dan Kelas Bahasa Inggeris yang turut diambil kira sebagai jam latihan staf. Staf Perpustakaan UTM digalakkan untuk menghadiri kursus samada anjuran Perpustakaan atau UTM bagi meningkatkan kemahiran dalam menjalankan tugas sehari-hari. Penganjuran kursus dalam dilihat sebagai satu langkah penjimatan serta dapat melibatkan lebih ramai staf Perpustakaan UTM.



Di samping kursus yang dianjurkan secara dalaman, staf juga dihantar untuk mengikuti kursus di luar UTM sama ada di dalam atau di luar Johor anjuran UTM atau syarikat korporat. Penglibatan mereka dalam kursus luar ini akan dapat merapatkan jalinan komunikasi antara rakan setugas dari organisasi lain.

Perpustakaan telah menetapkan sasaran objektif kualiti bagi latihan staf di mana 70% dari jumlah staf perlu mengikuti program latihan lebih dari 42 jam. Terdapat peningkatan bagi kehadiran staf Kumpulan Pelaksana yang menghadiri kursus melebihi 42 jam. Seramai 82 orang staf telah menghadiri kursus berbanding seramai 65 orang pada tahun 2013. Bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional, penurunan bilangan adalah kerana terdapat staf cuti bersalin di dalam tahun 2014.

Sepanjang tahun 2014, Perpustakaan UTM telah meluluskan seorang Pustakawan untuk bercuti belajar dan menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

KAJIAN INDEKS KEPUASAN PELANGGAN

Secara keseluruhannya, pencapaian kajian indeks kepuasan pelanggan pada tahun 2014 menunjukkan penambahbaikan iaitu 85.53% berbanding 72.82% pada tahun sebelumnya. Penambahbaikan telah dilaksanakan berdasarkan kajian yang lepas di mana perkhidmatan yang mendapat peratusan yang rendah telah disemak semula dan ditambah nilai bagi memenuhi keperluan pengguna. Manakala perkhidmatan yang mendapat peratusan yang tinggi terus dikekalkan dan penambahbaikan prestasi perkhidmatan dilaksanakan secara berterusan.

■ 2013
■ 2014

72.82 %

85.53 %

KAJIAN KEPUASAN STAF PERPUSTAKAAN UTM

Kajian kepuasan staf Perpustakaan UTM juga dilaksanakan secara tahunan bagi menambahbaik sistem pengurusan modal insan perpustakaan. Terdapat peningkatan sebanyak 0.48% pada Kajian Kepuasan Staf 2014 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, staf berpuas hati dengan penyeliaan, pengiktirafan, kemudahan, keselamatan dan fasiliti serta persekitaran kerja yang selesa.

■ 2013
■ 2014

82.42 %

82.9 %





PEMASYHURAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah merupakan perpustakaan yang dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia ke 9 untuk menyokong keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan di Universiti Teknologi Malaysia. Dengan keluasan 8,250 meter persegi, bangunan empat tingkat ini dapat memuatkan 500,000 bahan serta boleh menampung kapasiti seramai 1,500 pengguna dalam satu masa. Selain itu, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah turut dilengkapi dengan kemudahan ICT dan maklumat digital yang lengkap serta kemudahan pengaksesan melalui perkhidmatan Internet yang cepat dan cekap.

Selaras dengan matlamat penubuhannya iaitu memberi perkhidmatan dan kemudahan yang efisien dan sistematik kepada komuniti UTM dan para penyelidik khasnya, galeri penyelidik diwujudkan dengan tujuan untuk memaparkan data dan maklumat bagi hasil kejayaan penyelidikan oleh penyelidik tersohor Universiti Teknologi Malaysia.

Galeri Raja Zarith Sofiah yang berada di aras 2 bangunan ini merupakan ruang istimewa yang menempatkan koleksi peribadi Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah, Tuanku Canselor Universiti Teknologi Malaysia ke-empat. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah telah berkenan menghadiahkan koleksi buku, album, bahan media, jurnal dan koleksi peribadi baginda berjumlah 2,599 judul dan 2,657 naskhah.

Pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarith Sofiah telah berlangsung pada 30 September 2014 bersamaan 5 Zulhijjah 1435H. Pemasyhuran ini telah diwakilkan kepada anakanda Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah iaitu Tuanku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim.

Antara aktiviti yang telah berlangsung semasa majlis pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarith Sofiah ialah pelancaran buku Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden (1855-2012), pelancaran montaj pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, pameran penyelidik tersohor, penerima Anugerah Merdeka Award dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia, lawatan ke Galeri Raja Zarith Sofiah, lawatan ke Galeri Penyelidik – Research Data Management dan diakhiri dengan Majlis Santapan Di Raja.





PAMERAN GALERI TOKOH PENYELIDIK

Unit Galerium berperanan penting dalam aspek penyelidikan Universiti melalui medium pameran berimpak tinggi tanpa meminggirkan objektifnya sebagai pemelihara khazanah Universiti. Pameran Galeri Tokoh Penyelidik yang bertempat di aras 3, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) telah menampilkan Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail sebagai tokoh penyelidik UTM pertama yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pameran tersebut dirasmikan oleh Tuanku Temenggung Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim bersempena Majlis Pemasuhan PRZS pada 30 September 2014. Melalui projek 'Research Data Management' oleh Jawatankuasa yang dilantik, maklumat penyelidikan yang terdiri daripada hasil penulisan, penerbitan, anugerah dan sebahagian latarbelakang peribadi tokoh penyelidik telah dipaparkan kepada umum melalui pameran tersebut.





ALAN GREENE
THE AGE OF TURBULENCE

EDUCATION FOR VALUES

Ray Anderson 2006

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN

Pada tahun 2014, jumlah pengunjung maya berjumlah 808,629 orang berbanding 1,837,842 orang pada tahun sebelumnya. Manakala, jumlah pengunjung fizikal pula adalah 774,578 orang berbanding 1,336,507 orang pada tahun sebelumnya.

Pengunjung Fizikal

■ 2013
■ 2014

1,336,507

774,578

Pengunjung Maya

1,837,842

808,629

PRESTASI PINJAMAN BAHAN

Jumlah pinjaman bahan telah menurun pada tahun 2014, iaitu sebanyak 189,331 pinjaman berbanding dengan 251,716 pinjaman pada tahun 2013. Penurunan pinjaman bahan ini memberi petunjuk positif di mana pengguna lebih cenderung mengakses bahan dari atas talian seperti artikel, e-books dan e-thesis dari pangkalan data langganan perpustakaan yang disediakan. Dengan adanya pangkalan data atas talian, pengguna lebih mudah untuk membuat carian maklumat serta muat turun bahan rujukan untuk penyelidikan mereka.


251,716

■ 2013
■ 2014

189,331


PINJAMAN BAHAN MENGIKUT KATEGORI AHLI

Rajah di atas menunjukkan jumlah pinjaman bahan mengikut kategori ahli. Terdapat penurunan dari segi pinjaman bahan pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013. Pinjaman dan penggunaan bahan mengikut kategori menunjukkan pelajar pasca ijazah dan pelajar ijazah sarjana muda termasuk pelajar diploma adalah kategori ahli yang paling aktif meminjam bahan.



PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan atau lebih dikenali dengan Interlibrary Loan merupakan perkhidmatan yang disediakan untuk mendapatkan bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTM.



Secara keseluruhannya, pelajar peringkat pasca ijazah membuat permohonan ILL tertinggi iaitu 73%, diikuti staf bukan akademik (18.5%), staf akademik (5.3%) dan pelajar sarjana muda (2.4%).


PERKHIDMATAN RUNDING RUJUK

BIL.	PERKHIDMATAN	2013	2014
1	Pertanyaan Rujukan	5725	2142
2	Pinjaman Bahan Rujukan (Dalam Perpustakaan)	14	26
3	Permohonan Rujukan Pengguna ke Perpustakaan Luar	33	17
4	Permohonan Rujukan (Melalui Borang)	712	381
5	Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan (Borang PSZ 27.1)	16	12
6	Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan Melalui Emel bagi Kategori Aduan, Penghargaan dan Cadangan	15	39
7	Perfanyaan Rujukan Emel (Elektronik) Bagi Kategori Umum	826	633

Perkhidmatan runding rujuk menunjukkan penurunan dan peningkatan kepada perkhidmatan utama yang disediakan oleh perpustakaan. Perincian perkhidmatan yang disediakan adalah seperti di jadual. Pertanyaan rujukan melalui emel tetap menjadi pilihan utama kepada pengguna walaupun terdapat sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya.

RUJUKAN KE PERPUSTAKAAN UTM

Perpustakaan UTM menerima 407 permohonan luar untuk membuat rujukan ke Perpustakaan UTM bagi tahun 2014 berbanding bagi tahun 2013.



LAWATAN AKADEMIK


Pada tahun 2014, Perpustakaan UTM telah menerima sebanyak 44 lawatan akademik daripada individu, institusi pengajian tinggi, organisasi serta sekolah dari dalam dan luar negeri yang telah melibatkan seramai 1746 orang berbanding 2246 orang pada tahun sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 22%. Meskipun jumlah pelawat ke Perpustakaan UTM didapati menurun, namun perpustakaan yakin antara faktor yang membawa pelawat ke Perpustakaan UTM adalah untuk tujuan penandaaranan, audit, akreditasi serta promosi yang dilakukan khususnya oleh Unit Pemasaran Universiti untuk menarik minat pelajar sekolah tempatan dan luar negeri menyertai UTM.



SOKONGAN PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN PENGGUNA

AKSES PANGKALAN DATA

Sebanyak 8,321,394 akses (download, view, search) dicatatkan pada tahun 2014, berbanding 8,397,570 pada tahun sebelumnya. Terdapat penurunan sebanyak 0.9% yang berpunca daripada kesukaran mendapatkan statistik yang tepat daripada pihak pembekal/penerbit, dan format statistik yang pelbagai menyebabkan pengumpulan data menjadi kurang efisyen. Manakala, jumlah hit dan session untuk tahun 2014 adalah 200,975 (hit) dan 1,308,030 (session).



KEMAHIRAN MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 118 Kelas Kemahiran Maklumat telah dikendalikan dengan jumlah kehadiran pelajar seramai 1723 berbanding 83 kelas, dengan kehadiran pelajar 1865 orang pada tahun sebelumnya. Terdapat 30% peningkatan dari segi jumlah kelas dan penurunan sebanyak 7.6% dari segi kehadiran pelajar. Penurunan bilangan kehadiran pelajar secara keseluruhan adalah kesan daripada keputusan Akademi Bahasa, UTM untuk tidak memperuntukkan lagi slot Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas kepada pelajar baru bermula dari Semester 1, 2013/2014.



Terdapat peningkatan yang ketara kepada bilangan Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan kepada 155.5% kelas dan 88.6% pelajar yang hadir. Bengkel Pencarian Maklumat Pangkalan Data bagi pelajar Pasca Ijazah UTM juga turut terdapat pengurangan bilangan kelas 21.4% dan 38.6% bagi bilangan peserta.

Jumlah Kelas

■ 2013
■ 2014

35

0

Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas

115

45

Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan

3 3

UKOD I2II:
Kemahiran
MaklumatPencarian

Jumlah Kehadiran

962

0

Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas

1,686

849

Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan

54 37

UKOD I2II:
Kemahiran
MaklumatPencarian

JARINGAN KERJASAMA PERPUSTAKAAN DAN VENDOR PANGKALAN DATA


Tahun 2014 telah menyaksikan pengukuhan jalinan kerjasama antara Perpustakaan UTM dan vendor pangkalan data dalam menjayakan program promosi bagi meningkatkan kesedaran pengguna terhadap koleksi pangkalan data langganan UTM. Sebanyak 5 sesi program promosi telah dijalankan pada 2014 dengan jumlah penyertaan 410 orang peserta berbanding 108 orang peserta dengan jumlah sesi yang sama pada tahun 2013. Program promosi yang telah dijalankan adalah seperti latihan atau bengkel menggunakan pangkalan data serta bicara editor berkenaan penulisan artikel dalam jurnal.

Selain itu, Wiley Interscience telah menganjurkan kuiz Search, Share & Win with Wiley Online Books, kuiz atas talian khusus untuk pengguna Perpustakaan UTM bermula 15 Oktober hingga 15 Disember 2014. Sebanyak 1,032 penyertaan telah diterima, dan daripada jumlah tersebut, 457 penyertaan telah dijawab dengan tepat.



PERPUSTAKAAN FAKULTI

Perpustakaan Fakulti bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan kepada proses pembelajaran di peringkat fakulti melalui penyediaan bahan rujukan dan khidmat runding rujuk kepada pengguna.



Jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan Fakulti bagi tahun 2014 meningkat kepada 132,682 bahan berbanding sebanyak 122,023 bahan pada tahun 2013. Peningkatan koleksi sebanyak 8% ini menunjukkan bahawa Perpustakaan Fakulti komited memantapkan koleksinya agar dapat menyokong proses pendidikan di UTM. Pada tahun 2014, sejumlah 10,823 naskhah diterima untuk koleksi Perpustakaan Fakulti, di mana iaanya menunjukkan penurunan 45.3% berbanding dengan tahun 2013 (19,774 naskhah). Koleksi cakera padat merupakan bahan paling banyak diterima iaitu 3,700 keping, diikuti 3,097 naskhah tesis Sarjana Muda dan 1,612 naskhah tesis Sarjana dan sebanyak 1,197 naskhah buku.



PERPUSTAKAAN INSTITUT PEMBANGUNAN BIOPRODUK

Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan kepada proses pembelajaran melalui penyediaan bahan rujukan dan khidmat runding rujuk kepada pengguna. Di samping itu, ia memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan perpustakaan.



BUDAYA ILMU

Bagi memperkasa budaya cintakan ilmu di kalangan warga kampus, beberapa aktiviti yang berkaitan pemupukan budaya keilmuan telah dianjurkan sebagai medan perkongsian maklumat, pengalaman dan suntikan motivasi oleh panel-panel terpilih dalam pelbagai bidang seperti mana berikut:

Bil.	Tarikh	Program	Panel	Kehadiran			
				Staf Akademik	Staf Pelaksana	Mahasiswa	Jumlah
1.	18 Mac 2014	K-Sharing: 1 st Public Lecture Series on Campus Sustainability	<ul style="list-style-type: none"> • Dr Choong Weng Wai (FKSG) • PM Dr. Abdullah Sani Hj. Ahmad (FAB) 	1	51	54	106
2.	22-23 Mac 2014	Pameran & Ceramah: Kempen Kesedaran Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA) 		50	80	130
3.	28 Ogos 2014	K-Sharing : 2 nd Public Lecture Series on Campus Sustainability – Concepts and Opportunities In Sustainable Future Waste Management	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Harrie Hofstede, Pengarah Spartel Environmental Solutions, GGR Technologies dan FABCOM Ltd 	6	28	18	52
4.	23 September 2014	K-Sharing : My Research Experience	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Dekan Materials and Manufacturing Research Alliance 	59	89	98	246
5.	28 September 2014	Bicara Karya : How Stella Saved The Farm: A Tale About Making Innovation Happen	<ul style="list-style-type: none"> • Y. Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, Naib Canselor UTM 	55	99	10	164
6.	18 November 2014	K-Sharing : Nurani Insani: Lain Bangsa Lain Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Ustaz Ellyeen Amineen Mohd Salleh, Pegawai Hal Ehwal Islam UTM 	3	109	9	121
7.	20-21 Disember 2014	Pertandingan Debat Mahasiswa UTM		5	30	69	106



KHIDMAT KOMUNITI

Khidmat Komuniti adalah usaha Perpustakaan UTM untuk menyumbang kepada warga Universiti dan masyarakat menerusi penganjuran serta penglibatan staf dan pelajar dengan menggunakan kepakaran, kemahiran dan kemudahan yang terdapat di Universiti untuk faedah masyarakat. Berikut adalah beberapa projek khidmat komuniti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2014.

PROJEK NILAM

Pada 23 Februari 2014, Ketua Pustakawan UTM telah merasmikan Projek Nilam di Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru. Perpustakaan UTM turut menyumbang buku berbentuk novel dan bacaan umum. Syarahan motivasi mengenai kepentingan pembacaan buku telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan UTM kepada semua pelajar.

PAMERAN KESIHATAN MENTAL

Pameran bertemakan Kesihatan Mental dengan kerjasama Hospital Permai, Johor Bahru telah diadakan pada 29 Oktober 2014 bertempat di Perpustakaan UTM (Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah). Selain daripada pameran di lobi perpustakaan, aktiviti pengukuran ketahanan mental dan kesedaran mental juga turut diadakan.



KEMPEN DERMA DARAH

Kempen derma darah telah dilaksanakan di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Johor Bahru pada 18 November 2014 yang melibatkan penderma darah daripada warga UTM.



PENGURUSAN TEKNOLOGI

KEMUDAHAN KOMPUTER

Bagi memastikan pengguna Perpustakaan dapat mengakses maklumat bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan, Perpustakaan telah menyediakan sebanyak 500 unit komputer sewaan untuk ditempatkan di Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Fakulti dan Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur.



PORTAL

Portal Enterprise (<http://ent.library.utm.my>), iaitu integrasi bersama Sistem Pengurusan Perpustakaan menjadikan portal utama sebagai sistem pencarian utama yang merangkumi Online Public Access Catalogue (OPAC) dan maklumat Perpustakaan UTM. Pembangunan dan pemindahan laman web utama kepada CMS Wordpress (<http://www.library.utm.my>) dan Enterprise sebagai laman web sokongan (OPAC) ini dapat meningkatkan kedudukan laman web Perpustakaan UTM dalam webometric.

A screenshot of the UTM Library website. The header features the UTM logo and the text "UTM Library information excellence". Below the header is a search bar with fields for "SEARCH TERM", "Item Type", "Search Type", and "All Fields". The main content area has sections for "E-RESOURCES", "RESEARCH", and "NEWS & ANNOUNCEMENTS". The "E-RESOURCES" section includes links to "online databases, e-journals & e-books", "UTM Library Online Collection", "UTM Institutional Repository (UTMIR)", "Other Institutional Repositories (IR)", and "Open Access Initiatives". The "RESEARCH" section includes links to "Journal Search", "UTM Expert Registry (UTMER)", "Info. for Authors & Editors", "Reporting Research", and "Research Support Unit". The "NEWS & ANNOUNCEMENTS" section includes links to "Centre for Information and Communication Technology (ICT) News", "Edu", "UTM Malaysia Research Training", "Library News", and "Robot of Library Library".

PORTAL SOKONGAN

Sepanjang tahun 2014, sebanyak tiga (3) portal sokongan baru telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan Perpustakaan termasuk pengawasan dan penyelarasaran laman sosial Perpustakaan UTM iaitu :

i. Portal Research Support

Portal ini dibangunkan bagi memberi kemudahan kepada pihak pengurusan Perpustakaan UTM dalam mengakses maklumat dan kandungan berkaitan Key Area Indicator (KAI) Perpustakaan dan UTM. Laman web ini dibangunkan menggunakan komponen CMS Wordpress.

ii. Portal Research Data Management

Portal ini menempatkan dokumen-dokumen berkaitan Research Data Management Perpustakaan dan UTM. Laman web ini dibangunkan menggunakan komponen CMS Wordpress.

iii. Portal Mesyuarat Perpustakaan

Penempatan keseluruhan laman web dan aplikasi perpustakaan kepada pengguna menerusi penyimpanan dan page view management.

iv. Laman Media Sosial

Tiada pertambahan pada media sosial Perpustakaan iaitu masih kekal dengan Youtube dan Facebook Perpustakaan. Laman sosial dikemaskini mengikut keperluan Perpustakaan dalam meningkatkan webometrik UTM di peringkat antarabangsa.


v. Aplikasi telefon pintar

Sejajar dengan teknologi semasa, perpustakaan juga telah menyediakan kemudahan untuk mengakses akaun pengguna dan OPAC dengan menggunakan telefon pintar melalui aplikasi BookMyne (versi 3.0.1). Aplikasi ini telah disediakan di portal perpustakaan dan boleh dimuat turun secara percuma dari Google Play.

The image displays three screenshots of the UTM Library's digital platforms:

- Top Screenshot (Research Support):** Shows the homepage of the "UTM Supporting your research @UTM Library" portal. It features a search bar, navigation links like "Home", "About Us", "Services", "Contact Us", and "Feedback", and sections for "Top Rank Journals According to UTM Research Alliance" and "Journal Citation Reports".
- Middle Screenshot (Research Data Management):** Shows the "SISTEM PENGURUSAN MESYUARAT PERPUSTAKAAN UTM" (UTM Meeting Management System). It includes a sidebar with "LAMPIRAN" (Annexes) and "DAFTAR" (List), and four main menu items: "MESYUARAT SEMAKAN PENGURUSAN", "MESYUARAT EKSEKUTIF", "MESYUARAT SEMAKAN PENGURUSAN P&P", and "MESYUARAT EKSEKUTIF P&P".
- Bottom Screenshot (Mobile App):** Shows the Facebook page of "Perpustakaan Sultanah Zainah (UTM Library)". The page header includes the library's name and a photo of the building. It has sections for "Timeline", "About", and "Links". A sidebar on the right shows a list of recent posts.

KOLEKSI PERPUSTAKAAN




Carta di atas menunjukkan jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga Disember 2014 bagi semua kategori bahan iaitu sebanyak 4,668,113 naskah. Terdapat peningkatan sebanyak 12% berbanding jumlah koleksi perpustakaan pada tahun sebelumnya sebanyak 4,170,955 naskah. Bahan media elektronik berada pada paras tertinggi diikuti bahan monograf dimana masing-masing mencatat jumlah sebanyak 3,605,220 dan 665,708 naskah. Kategori bahan UTM Institutional Repository dan bahan Data Management System telah dimasukkan ke dalam stok perpustakaan mulai tahun 2014. Jumlah yang dicatat adalah hasil perolehan daripada pelbagai sumber sama ada belian, langganan, serahan, hadiah dan juga hasil penulisan staf dan pelajar UTM.

LANGGANAN JURNAL ELEKTRONIK DAN MEDIA ELEKTRONIK SECARA KUMULATIF.

Pada tahun 2014, koleksi e-tesis dalam pangkalan data telah meningkat sebanyak 17% menjadikan 2,615,917 judul berbanding tahun 2013. Manakala tajuk e-book telah mengalami penurunan sebanyak 20% kerana Perpustakaan telah menghentikan langganan e-book dan beralih kepada pembelian terus.

Koleksi e-jurnal juga meningkat sebanyak 7% iaitu 711,015 artikel teks penuh. Jurnal bercetak telah meningkat 4% setelah mendapat permintaan dari pensyarah. Peningkatan ini menjadikan jumlah jurnal cetak ialah 381. Manakala langganan kepada e-video dan e-standard tidak berubah.



PERSIDANGAN PUSTAKAWAN



Tahun 2014 diakhiri dengan Persidangan Pustakawan yang telah diadakan pada 22 hingga 23 Disember 2014 bertempat di Perpustakaan UTM (Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah) Johor Bahru. Tema bagi persidangan kali ini adalah *soul searching* di mana ahli Pengurusan Perpustakaan UTM yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pustakawan dan Ketua-Ketua Bahagian berkongsi pengalaman mereka dalam persidangan tersebut.

Di antara pengisian pada persidangan pustakawan yang berlangsung selama 2 hari tersebut adalah ucapan dasar oleh Ketua Pustakawan, sesi perkongsian *soul searching* oleh ahli pengurusan Perpustakaan UTM dan pembentangan pencapaian Key Amal Indicator (KAI) 2014 serta sasaran Key Amal Indicator (KAI) 2015. Persidangan yang diadakan setiap tahun ini menjadi platform untuk Pustakawan berkongsi ilmu pengetahuan, memupuk semangat berpasukan serta mengeratkan hubungan melalui penglibatan aktiviti yang dijalankan sepanjang persidangan bagi memastikan halatuju Perpustakaan UTM berada di landasan yang betul.

Tema persidangan pustakawan kali ini membawa kelainan daripada norma kebiasaan di mana isu pembentangan dan perbincangan membahaskan isu berkaitan jiwa. Sesi perkongsian *soul searching* lebih memfokuskan refleksi diri kepada pencapaian paling cemerlang, pencapaian paling lemah dan pendekatan yang akan digunakan untuk mengatasi kelemahan tersebut.



Di antara intipati perbahasan adalah setiap Pustakawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran penting dalam melahirkan seorang insan yang berjiwa positif. Seorang insan perlu mengenalpasti kekuatan diri, berani mengakui kelemahan diri dan membalik kelemahan diri dengan membuat penambahbaikan yang berterusan. Turut dibahaskan adalah isu hubungan seorang hamba dengan penciptaNya, di mana setiap manusia bergantung sepenuhnya kepada rahmat Allah.



Selain daripada itu, perbincangan serta pemantapan terhadap perancangan jangka pendek dan jangka panjang turut diadakan. Ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada keperluan dan pelaksanaan Key Amal Indicator (KAI) Perpustakaan UTM.



HARAPAN 2015

Perpustakaan UTM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya. Untuk mencapai matlamat itu, Perpustakaan UTM telah memantapkan sasaran KAJ 2015 agar seiring dengan Pian Global UTM 2012-2020. Pelbagai inisiatif telah dirancang dalam meneruskan usaha mempertingkatkan mutu dan keberkesanan perkhidmatan yang relevan dengan keperluan warga UTM.



PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANABIAH

PERPUSTAKAAN
SULTANAH ZANABIAH
LIBRARY



